

# Isu Dan Cabaran Pengajaran Tadabbur Al-Quran Dalam Pendidikan Tahfiz

  
*(Issues And Challenges Of Teaching Tadabbur Al-Qur'an In Tahfiz Education)*

Siti Aisyah Johan<sup>1\*</sup>, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain<sup>1\*</sup>,  
Siti Nurjanah Mastor Mustafa<sup>1\*</sup>, Siti Nur Hadis A Rahman<sup>1\*</sup>,  
Muhammad Sobri Faisal<sup>1\*</sup>, Radhiahutul Raehan Mustafa<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

\*Corresponding Author: [sitiaisyahimtiaz@gmail.com](mailto:sitiaisyahimtiaz@gmail.com), [muhammadtalhah.j@utm.com](mailto:muhammadtalhah.j@utm.com), [snjannah89@gmail.com](mailto:snjannah89@gmail.com), [sitinurhadis.rahman@utm.my](mailto:sitinurhadis.rahman@utm.my), [muhammadsobri@utm.my](mailto:muhammadsobri@utm.my), [radhiahutlraehan@utm.my](mailto:radhiahutlraehan@utm.my)

Received: 27 September 2023 | Accepted: 21 November 2023 | Published: 1 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2023.5.4.8>

**Abstrak:** Pendidikan tahfiz di Malaysia semakin meluas dan telah menjadi salah satu kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi mencapai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam memperkasa pendidikan Tahfiz, antara elemen penting yang perlu diperkasakan adalah penguasaan pelajar dalam memahami dan mentadabbur al-Quran. Objektif penyelidikan ini bagi mengenal pasti dan memperincikan isu dan cabaran dalam pendidikan tahfiz dari sudut guru, pelajar dan sistem yang dilaksanakan. Metodologi dalam kajian ini menggunakan kualitatif iaitu kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu diselesaikan bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam melahirkan huffaz yang berkualiti. Selain itu, terdapat beberapa kaedah yang dicadangkan daripada kajian-kajian lepas. Implikasi kajian ini diharap dapat memberi pendedahan dan membantu pihak terlibat dalam memperkasakan penerapan aktiviti tadabbur al-Quran dalam pendidikan Tahfiz.

**Kata kunci:** Isu dan Cabaran, Tadabbur, Pendidikan Tahfiz

**Abstract:** Tahfiz education in Malaysia is expanding and has become one of the national curricula which is the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) implemented under the Malaysian Ministry of Education (KPM). In order to achieve what the government wants in empowering Tahfiz education, one of the important elements that need to be empowered is the mastery of students in understanding and mastering the Qur'an. The objective of this research is to identify and detail issues and challenges in tahfiz education from the point of view of teachers, students and the implemented system. The methodology in this study uses qualitative, which is the method of library research and document analysis. The results of the study found that there are several issues and challenges that need to be resolved in order to realize the government's desire to produce quality huffaz. In addition, there are several methods suggested from past studies. The implications of this study are expected to provide exposure and help the parties involved in empowering the application of tadabbur al-Quran activities in Tahfiz education.

**Keywords:** Issues and Challenges, Tadabbur, Tahfiz Education

## 1. Pengenalan

Hukum-hakam di dalam Islam dapat difahami dengan merujuk sumber utama iaitu al-Quran. Al-Quran difahami seiring dengan pemahaman hadis bersumberkan riwayat-riwayat yang thiqah (Abdul Wahab, 2003). Justeru, pemahaman ayat dan elemen tadabbur ketika membaca dan menghafaznya mempunyai kelebihan tersendiri yang tidak dapat disangkal terutamanya kepada para penghafaz al-Quran.

Objektif menghafal al-Quran adalah untuk menjaga ketulenan al-Quran seterusnya menjaga al-Quran dari sebarang bentuk perubahan dan pemesongan. Namun, realiti membuktikan bahawa murid tahniz sendiri hanya menfokuskan hafazan tanpa berusaha meneliti kefahaman makna ayat (Maisarah et al., 2018). Al-Ahdal (2012) menjelaskan maksud ayat 29 pada surah Sad bahawa tujuan penurunan al-Quran untuk dimaknai, direnungkan, dan dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan setiap Muslim yang beriman kepada Allah SWT.

Jika dilihat kepada pelaksanaan pendidikan tahniz di Malaysia, bidang ini telah diletakkan dalam bentuk pengajian rasmi dan diakui dengan kurikulum yang diolah secara tertib serta merujuk kepada keperluan dan syarat yang diperlukan. Usul yang dilaksanakan ini menunjukkan bahawa pengajian tahniz di Malaysia diiktiraf dan ianya merupakan satu langkah bestari. Rekod sehingga tahun 2017 menunjukkan terdapat 571 buah institusi tahniz yang berdaftar di seluruh negara (<http://www.islam.gov.my>).

Pendidikan tahniz ini semakin meluas dan telah menjadi salah satu kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Bersepadu Tahniz (KBT) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum ini digubal dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelaras Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan mengambil kira kurikulum tahniz al-Quran sedia ada dari institusi pendidikan agama yang pelbagai.

Kurikulum ini mensasarkan pelajar untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun pengajian di peringkat menengah. Selain itu, antara aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh murid semasa sesi PdPc adalah menerangkan isi kandungan ayat yang telah dihafaz di hadapan guru bagi memastikan mereka memahami ayat tersebut (KPM, 2015).

Kurikulum ini menggabungkan dua komponen utama iaitu tahniz dan akademik. Pengintegrasian komponen ini berhasrat untuk melahirkan generasi yang dapat menyelesaikan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam tempoh 5 tahun sepanjang pengajian peringkat sekolah menengah. Pengintegrasian ini juga bertujuan untuk melahirkan modal insan yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu al-Quran, bahkan dapat mempraktikkan ilmu tersebut termasuk ilmu di bidang lain. Institusi tahniz al-Quran ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan para hafiz yang memiliki kemahiran dan juga berketrampilan sekaligus menepati keperluan masyarakat dan juga negara (KPM, 2015).

Merujuk kepada modul MRSM Ulul Albab Kota Putra (2009) bahawa Ulul Albab bermaksud satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya. 3 Komponen yang ada di dalam Ulul Albab ini ialah Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. 1. Quranik merujuk mereka menghafaz 30 juzu' al-Quran serta memahami berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS). 2. Pelajar yang mempunyai ensiklopedik akan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi

tempat rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing. 3. Manakala ijtihadik ialah pelajar yang berkeupayaan memberikan memberikan pandangan dalam penyelesaian masalah umat, memaksimumkan keupayaan otak dan minda, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi (Norhazriah, 2012) sehingga mampu menggunakan teknologi untuk kebaikan dalam bidang tahfiz (Dhiauddin et al., 2022)

Bagi mencapai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam memperkasa pendidikan Tahfiz, antara elemen penting yang perlu diperkasakan adalah penguasaan pelajar dalam memahami dan mentadabbur al-Quran. Keperluan membaca al-Quran dengan tadabbur merupakan antara adab dalam pembacaan al-Quran menurut Imam Nawawi (al-Nawawi, 2015). Justeru perkara ini amat penting untuk dikaji serta diselesaikan dengan cara memberi penekanan kepada pemahaman makna ayat dan tadabbur kerana hafalan al-Quran yang berkualiti menjadi faktor utama dalam memelihara kualiti al-Quran. Impak positif yang dapat dilihat juga adalah ketulenan al-Quran dapat dipelihara dari terpesong dan mengelakkan berlaku sebarang bentuk perubahan (Azmil Hashim & Halim Tamuri, 2012).

## 2. Penyataan Masalah

Banyak penyelidikan lepas yang mengkaji tentang tadabbur dan kaedah kefahaman makna al-Quran keseluruhannya melaporkan kelemahan terhadap penguasaan dan penerapan kefahaman makna al-Quran dalam kalangan pelajar dan guru tahfiz. Secara amnya, terdapat beberapa isu yang akan diketengahkan di dalam penyelidikan ini berkaitan kelemahan penerapan kefahaman makna al-Quran di dalam PdPc mata pelajaran Hifz al-Quran.

Antara isu yang dikenalpasti adalah masih belum seajar dan belum selari dengan objektif pendidikan Tahfiz. Selain itu, sistem, kaedah dan modul yang lebih menfokuskan kepada hafazan tetapi kurang fokus kepada pelaksanaan kefahaman makna al-Quran juga merupakan isu yang perlu diketengahkan (Muhammad Toriq dan Abdul Razak, 2017). Isu lain yang dikenalpasti adalah isu guru yang kurang menerapkan kaedah ini di dalam PdPc (Azmil et al., 2013) dan kurangnya minat serta motivasi pelajar dalam mengaplikasikan kaedah kefahaman makna al-Quran sewaktu proses PdPc Tahfiz (Maisarah Thulhuda, 2018), sehingga wujud kesukaran bagi mereka dalam membahagikan fokus untuk menghafaz dan mentadabbur al-Quran (Faizulamri et al., 2020)

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan isu dan cabaran yang timbul semasa penerapan tadabbur dan kefahaman makna al-Quran dalam pendidikan tahfiz sekaligus mengkaji penyelesaian yang sewajarnya berdasarkan penilitian literatur.

## 3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan melalui kajian perpustakaan yang menggunakan pendekatan analisis dokumen bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah analisis dokumen adalah kaedah untuk mendapatkan maklumat yang relevan daripada bahan bercetak dalam bentuk dokumen. Penyelidik memfokuskan pencarian bahan daripada buku, tesis, jurnal dan artikel berkenaan isu dan cabaran kefahaman makna al-Quran dan tadabbur dalam pendidikan tahfiz.

#### 4. Isu dan Cabaran Pelaksanaan Tadabbur dalam Pendidikan Tahfiz

Tadabbur al-Quran bermaksud suatu proses refleksi yang menyeluruh semasa membaca dan mendengar al-Quran, merangkumi sebutan huruf, kalimah dan bacaan al-Quran serta pemahaman makna dan penghayatan ayat al-Quran secara praktikal (Mohd Faizulamri et al., 2020). Amalan ini sangat penting dipraktikkan oleh penghafaz al-Quran kerana membantu dalam meningkatkan kualiti hafazan (Sabri et al., 2016).

Banyak penyelidikan lepas yang mengkaji tentang kaedah tadabbur dan kefahaman makna al-Quran keseluruhannya melaporkan kelemahan terhadap penguasaan dan penerapan kefahaman makna al-Quran dalam kalangan pelajar dan guru tahfiz. Secara amnya, terdapat beberapa isu dan cabaran yang telah dikenalpasti dalam pelaksanaan kefahaman makna al-Quran.

##### 4.1 Belum selari dengan objektif pendidikan Tahfiz

Situasi ini bertepatan dengan kajian Mohd Khairul Naim (2020) dalam kajian beliau menggambarkan bahawa min keseluruhan bagi kefahaman berada pada tahap sederhana tinggi iaitu nilai min 3.04. Kajian melaporkan bahawa kegagalan pelajar dalam memahami makna ayat sebelum menghafaz merupakan salah satu kelemahan dari sudut kefahaman. Hal ini membimbangkan kerana belum bertepatan dengan objektif pendidikan tahfiz untuk melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzuk al-Quran (KPM, 2015).

##### 4.2 Sistem, kaedah dan modul kurang fokus kepada pelaksanaan kefahaman makna al-Quran

Manakala, Muhammad Toriq dan Abdul Razak (2017) pula telah menjalankan kajian berkaitan amalan dan teknik hafalan al-Quran di Darul Quran. Dapatkan kajian mendapati bahawa pelajar dapat memperkasa kualiti hafazan dan ingatan dengan mengaplikasikan teknik pengulangan secara berterusan. Inisiatif untuk memperkasakan kualiti hafazan dengan mempraktikkan aktiviti pemahaman makna banyak bergantung kepada usaha pelajar tahfiz itu sendiri.

Berdasarkan kajian Mohd Hakim et al., (2021) juga melaporkan bahawa bukan sahaja institusi kerajaan, malah institusi swasta juga banyak menawarkan program pengajian untuk bidang ini. Malangnya, berdasarkan pemerhatian dari sudut kaedah pembelajaran, institusi Tahfiz hanya menfokuskan terhadap hafazan al-Quran sahaja. Penerapan dan kemahiran terhadap kaedah kefahaman makna al-Quran kurang dititikberatkan. Pandangan ini adalah berpadanan dengan pendapat Fakhruddin et al. (2020) iaitu selain penguasaan hukum tajwid, kaedah penulisan ayat dan kefahaman ayat juga kurang diberikan tumpuan dan dipraktikkan. Hal ini juga seiring dengan kajian Mohamad Shahrin & Mohd Nizam (2020) ke atas pelajar tahfiz swasta di institusi tahfiz yang terletak di Alor Setar, mengadaptasi empat sistem yang berlainan. Sistem pengajian tersebut adalah sistem tahfiz Al-Azhar, tahfiz ala India dan Pakistan, tahfiz Integrasi Sains dan tahfiz Turki.

Kesemua sistem tahfiz berdasarkan kajian ini kurang memberi penekanan kepada kaedah menghafaz al-Quran dengan memahami maksud dan makna. Dapatkan kajian telah mendapati bahawa sistem pendidikan tahfiz yang dilaksanakan kurang menitikberatkan pelaksanaan kaedah kefahaman makna al-Quran.

##### 4.3 Guru kurang menerapkan kaedah kefahaman makna al-Quran dalam PdPc

Menurut Azmil et al. (2013) dalam kajiannya melaporkan bahawa guru tahfiz sangat kurang memberi perhatian terhadap kaedah penerangan makna kalimah, ayat hafazan, menjelaskan kefahaman keseluruhan ayat dan asbab nuzul ayat serta penilaian melalui kaedah penulisan.

Sesi pengajaran dan pumudahcaraan (PdPc) yang sentiasa menggunakan kaedah yang sama juga menyebabkan murid terasa bosan.

Terdapat juga kajian dari Faizulamri et al., (2020) menyatakan guru tidak memberi penekanan terhadap proses pemahaman makna ayat al-Quran dalam sesi pembelajaran. Implikasinya, amalan tadabbur dalam kalangan pelajar tahliz menjadi terhad (Nurain, 2017) malah kebarangkalian untuk mereka memerhatikan makna ayat yang dihafaz adalah kecil. Hal ini akan menyumbang kepada rendahnya kualiti hafazan al-Quran dan keupayaan menghayati makna secara praktikal.

Bahkan, Terdapat juga dalam kalangan guru yang tidak menekankan aspek tajwid dalam hafazan al-Quran kerana memfokuskan aspek ingatan terhadap hafazan dan suara (al-Ahdal 1429: 54). Selain daripada bimbingan guru, pendedahan terhadap kaedah bersesuaian juga diperlukan supaya dapat membimbang pelajar menjalankan amalan tadabbur sama ada melalui pemantauan guru atau pembelajaran kendiri.

#### **4.4 Pelajar kurang berminat dan kurang bersungguh**

Faizulamri (2020) melaporkan bahawa isu membahagikan masa dan mentadabbur ayat al-Quran ketika proses menghafaz adalah menjadi satu kerumitan kepada pelajar. Hasil penyelidikan sebelum ini menggambarkan bahawa amalan tadabbur kurang diberi perhatian oleh pelajar-pelajar tahliz.

Perkara ini dihujahkan oleh Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri (2012) bahawa pelajar menunjukkan sikap tidak mengambil berat terhadap aspek kefahaman makna ayat al-Quran. Situasi ini dapat diteliti dalam penyelidikan yang memaparkan bahawa murid kurang bersungguh untuk mencari makna ayat. Walaupun kaedah kefahaman adalah kaedah yang dicadangkan, namun begitu Al Hafiz & Md Sawari (2018) melaporkan bahawa kaedah ini sangat kurang diaplikasikan oleh pelajar.

Timbul kekeliruan di sini apabila masih terdapat dalam kalangan pelajar tahliz peringkat menengah yang tidak menitikberatkan kaedah kefahaman ayat dan hanya menfokuskan pada hafazan al-Quran sahaja walaupun mereka mengetahui kepentingan memahami dan menghayatinya. Hujah ini diperkuuhkan lagi oleh Munirah et al. (2014) bahawa pelajar kurang menitikberatkan amalan tadabbur al-Quran. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah mereka tidak memahami bahawa sekiranya mereka tidak mentadabbur al-Quran mereka tidak akan memahami maksud ayat yang mereka hafaz.

Selain itu, kajian Azmil Hashim (2015), turut melaporkan kebanyakan pelajar tahliz mengambil mudah dalam aspek memahami ayat al-Quran yang dihafaz. Kesungguhan mereka untuk merujuk terjemahan al-Quran adalah tidak memuaskan dan mereka tidak menguasai ilmu nahu dan ilmu bahasa Arab sedangkan ilmu tersebut dapat membantu mereka untuk lebih memahami ayat yang dihafaz. Tujuan pelajar yang semata-mata untuk mengkhatamkan hafazan al-Quran berkemungkinan menjadi faktor isu ini berlaku selain ketiadaan faktor motivasi dalam proses menghafaz.

Realiti ini dibuktikan juga di dalam kajian Maisarah Thulhuda (2018) melaporkan bahawa pelajar tahliz hanya menfokuskan terhadap hafazan semata-mata tanpa menunjukkan kesungguhan dalam mencari makna ayat. Situasi ini menunjukkan bahawa penerapan kefahaman al-Quran kurang dipraktikkan sedangkan kaedah ini merupakan faktor asas untuk mencapai matlamat utama al-Quran diturunkan.

Situasi ini diperkuuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Farah Ilyani et al. (2018) bahawa dapatan keseluruhan menunjukkan tahap amalan pembelajaran pelajar tafhiz pada tahap sederhana tinggi iaitu ( $\text{min} = 3.74$ ,  $\text{sp.} = 0.43$ ). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pembelajaran bersama guru, rakan sebaya dan kendiri berada pada tahap tinggi. Namun demikian elemen-elemen seperti kaedah penulisan dan elemen kefahaman berada pada tahap sederhana tinggi manakala elemen yang melibatkan aktiviti penulisan al-Quran berada pada tahap sederhana rendah sedangkan teori dan dapatan lepas menunjukkan kepentingan elemen-elemen tersebut dalam amalan pembelajaran pelajar tafhiz. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan terperinci tentang isu dan cabaran yang wujud dalam pelaksanaan kaedah tadabbur dan kefahaman makna al-Quran dalam pendidikan tafhiz sekaligus mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya.

## 5. Kesan Positif Pelaksanaan Tadabbur dan Kefahaman Makna al-Quran

Dalam sub topik ini, pengkaji mendapat terdapat beberapa kesan positif hasil daripada pelaksanaan tadabbur dan kefahaman makna al-Quran.

### 5.1 Perkukuhkan hafazan

Mohd Khairul Naim (2020) mengulas bahawa hafazan dapat dikukuhkan dengan mengaplikasikan kaedah kefahaman. Kekhusukan ketika pembacaan al-Quran juga dapat dipertingkatkan apabila ayat yang dihafaz itu seiring dengan pemahaman makna ayat. Pandangan ini adalah berpadanan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Ahwani (1995), Al-Syarbini (2004) dan Abu al-Fida' (2006) menjelaskan berkenaan impak positif dengan mengaplikasikan kaedah kefahaman dapat memudahkan proses menghafaz dan memperkasakan hafazan.

Hal ini juga pernah dinyatakan oleh A. Hafiz & Hasimah (2003) iaitu strategi pemahaman ayat ini juga sangat penting untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih (serupa), ayat al-wahm (sukar difahami) dan tirkar lafzi (pengulangan kalimah). Kepentingannya tidak dapat dinafikan lagi berupaya membantu pelajar menghafaz tetapi kurang diperlakukan.

Objektif kaedah ini adalah untuk menjelaskan kepentingan pemahaman makna al-Quran kepada pelajar tafhiz kerana dengan memahami makna ayat dan maksud perkataan, pelajar dapat memberi fokus terhadap ayat hafazan semasa proses takrir (Azmil Hashim et al., 2014).

### 5.2 Bantu kuasai proses tadabbur dan penghayatan

Mohd Hakim (2021) berhujah pada kajian beliau dengan merujuk hasil kajian-kajian lepas bahawa kepentingan dalam menguasai kefahaman makna al-Quran adalah unsur utama dalam proses tadabbur al-Quran. Menurut Rohana Zakaria (2015) juga, antara objektif utama penurunan al-Quran mempunyai objektif utama iaitu untuk mempraktikkan isi kandungan al-Quran juga mentaati suruhan Allah SWT. Pengamalan ini juga adalah hasil positif dari aktiviti penghayatan al-Quran dan ianya satu proses yang memberi kesedaran untuk mengaplikasikan ayat-ayat yang dihafaz.

### 5.3 Penambahan ilmu dan kefahaman ayat-ayat al-Quran

Kajian Wan Ahmad et al. (2021) bertujuan menerokai amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dalam program Ulul Albab IMTIAZ. Hasil dapatan menunjukkan bahawa salah seorang informan menyatakan Fiqh Ayat sebagai satu elemen penting dalam proses hafazan dan kesan Fiqh Ayat ini menyebabkan mereka lebih memahami pengajaran yang terdapat dalam al-Quran seterusnya mengaitkannya dengan ilmu pengetahuan. Fiqh Ayat juga

mencetuskan refleksi terhadap komponen Ensiklopedik yang menjadi teras program Ulul Albab ini.

Maisarah Thulhuda et al. (2018) juga menemukan dapatan yang sama iaitu terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan tadabbur dengan hafazan al-Quran khususnya dalam bab kefahaman makna ayat. Hal ini kerana proses tadabbur al-Quran mampu memberikan impak yang positif kepada pelajar tafsir daripada sudut pemahaman, penghayatan serta pengamalan terhadap ayat-ayat al-Quran. Perkara ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan dari Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) bahawa realiti proses tadabbur terjadi sewaktu proses memahami ayat-ayat al-Quran.

#### **5.4 Baiki kualiti dan fokus ketika bacaan al-Quran**

Menurut Al-Lahim & al-Ruwaisyid (2016), penerapan kefahaman makna al-Quran dapat menambahkan penelitian dalam proses tilawah al-Quran. Hal ini kerana kaedah tadabbur akan membantu pembaca untuk menjaga setiap huruf al-Quran semasa pembacaan dan atas tadabbur itu ada bacaan yang tartil.

Penerapan kefahaman makna al-Quran juga dapat meningkatkan penghayatan dan kekhusukan dalam tilawah al-Quran. Peringkat awal ketika proses tadabbur memerlukan fokus dan situasi ini terjadi sewaktu bacaan dibaca dengan penghayatan atau sewaktu memerhati penulisan pada ayat al-Quran (Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff, 2012).

Justeru, kajian ini diharapkan dapat mengatasi isu kelemahan pelajar dan guru dalam menerapkan kefahaman makna al-Quran ketika proses menghafaz seterusnya mencapai harapan dan objektif pendidikan tafsir ini setelah mengetahui cabaran, isu dan kaedah yang dicadangkan.

### **6. Kaedah yang Dicadangkan**

#### **6.1 Penambahbaikan pengetahuan guru tentang kaedah, teknik dan metodologi kefahaman makna al-Quran**

Kajian lepas menunjukkan kelemahan penerapan kefahaman makna al-Quran dalam sesi PdPc berlaku bukan sahaja terhadap murid tetapi juga dalam kalangan guru. Oleh itu, kaedah dan teknik kefahaman makna al-Quran juga perlu dikuasai oleh guru untuk mendapatkan hasil yang berkesan. Hasil dari kajian Mohd Hakim (2021), mencadangkan supaya satu penyelidikan terhadap tahap penguasaan makna ayat-ayat al-Quran dilaksanakan dalam kalangan pelajar tafsir dan memperbaiki kelemahan kaedah pembelajaran menggunakan metodologi terbaik.

Dalam kajian lain yang ditadbir oleh Mohd Faizulamri et al. (2020) melaporkan bahawa para huffaz yang menghafaz al-Quran berhadapan dengan kesukaran untuk melaksanakan amalan tadabbur. Hasil kajian menunjukkan kaedah-kaedah tadabbur yang boleh diterapkan semasa proses hafazan dijalankan ialah kaedah melatih kemahiran sebutan huruf dan tajwid, kaedah memilih kalimah-kalimah al-Quran, kaedah membaca makna ayat secara menyeluruh, kaedah penelitian waqf dan ibtida' dan kaedah penghayatan dengan menjalankan perintah ayat.

Disebabkan itu, kajian ini mencadangkan kaedah-kaedah yang boleh dilakukan oleh para pelajar semasa aktiviti hafazan al-Quran dijalankan. Kaedah yang perlu difokuskan oleh para pelajar ialah melatih kaedah kemahiran sebutan huruf dan tajwid, kaedah memahami kalimah-kalimah al-Quran dan makna ayat secara menyeluruh, kaedah penelitian waqf dan ibtida',

kaedah beramal dengan ayat al-Quran semasa menghafaz al-Quran dan kaedah pemilihan bahan bantu tadabbur yang bersesuaian.

## 6.2 Penyediaan modul, mushaf atau tafsir

Mohd Faizulamri et al. (2020) berhujah bahawa kebersamaan usaha para pengkaji dan penerbit perlu dalam menghasilkan sebuah mushaf yang merangkumi elemen-elemen yang telah dicadangkan merangkumi penjelasan makna mufradat (kalimah), terjemahan makna ayat, penandaan waqf yang jelas dan diiktiraf, penjelasan sebab nuzul ayat, penjelasan tempat sujud, tempat-tempat yang digalak untuk menjawab dan huruf yang diwarnakan untuk memudahkan bacaan bertajwid.

Dalam kajian lain yang ditadbir oleh Mohd Abdul Nasir & Ahmad Zulfiqar Shah (2020) mengkaji berkenaan pembinaan modul kaedah hafalan al-Quran. Modul prototaip yang dihasilkan dibina berdasarkan tema utama yang terdapat dalam al-Quran iaitu tema Akidah, Ibadah, Adab dan Akhlak, Qasas dan Sains. Modul hafalan yang dibina ini juga disertakan dengan teknik-teknik hafalan yang menitikberatkan penguasaan makna mengikut pecahan tema-tema yang telah dibincangkan.

Manakala Mohamad Shahrin & Mohd Nizam (2020) telah melaksanakan satu penyelidikan yang menyelidik kaedah menghafaz al-Quran melalui cara memahami makna serta bertujuan untuk mengetahui tahap pelaksanaan kaedah hafazan dengan memahami makna diaplikasikan di institusi tersebut. Dicadangkan penggunaan kurikulum tafsir diaplikasikan oleh pelajar Tahfiz supaya tercapainya objektif pengajian al-Quran.

## 7. Kesimpulan

Secara umumnya, pengkaji dapat melihat melalui kajian-kajian lepas bahawa penerapan kaedah tadabbur dan kefahaman makna al-Quran dalam kalangan pelajar dan juga guru tahfiz masih mempunyai beberapa kelompongan dan isu yang perlu diselesaikan. Hal ini perlu dikaji dan diperdalam supaya isu yang berlaku dapat diselesaikan dengan segera dan dapat memperkasakan lagi pendidikan tahfiz. Dapatkan kajian lepas juga memaparkan kekuatan pada penerapan kaedah kefahaman ayat dan kaedah itu perlu dikekalkan dan ditambahbaik supaya menjadi faktor kepada kecemerlangan tahfiz.

Tuntasnya, pemerkasaan pendidikan tahfiz akan dapat ditingkatkan dan direalisasikan dengan gabungan kerjasama semua pihak. Hasrat kajian ini supaya pelaksanaan pendidikan tahfiz dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik. Sebagai kesimpulan, jika penerapan kaedah kefahaman makna al-Quran dititikberatkan dan dapat dilaksanakan dengan baik, pastinya dapat membantu untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan tahfiz itu sendiri.

## Rujukan

- Abu Al-Fida', Muhammad Izzat. (2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *At-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al Hafiz, M. M., & Md Sawari, S. S. (2018). Managing standardize memorization strategy in tahfiz centres: A Guideline For Quality Performance in Qur`anic Memorization. *International Journal of Research*. 5(16): 1409-1417.
- Al-Ahdal, Hashim bin Ali. 1429. *Ta'alim Tadabbur al-Qur'an al-Karim Asalib Amaliyyah wa Marahil Manhajiyah*. Jeddah: al-Jam'iyyah al-Khayriyyah li Hifz al-Quran.

- Al-Lahim & Ar-Ruwaisyid. (2016). Panduan Tadabbur al-Quran. Solo: Kiswah Media.
- Al-Nawawi. terj. Hakim Rosly. (2015). Adab Berdamping dengan al-Quran. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Muni'm. (2004). As-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran. Zaqaqiq: Dar Ibnu Kathir.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, Aderi Che Noh. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Murid. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*. 1(1): 9-16.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1 (1) :28-39.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali. (2015). Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*. 2(1): 35-50.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri. (2012). Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 4 (2): 1-10.
- Fakhruddin, F. M., Che Ishak, S., & Asmawati, S. (2020). Proses dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 17(2): 311-340.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. (2018). Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. SI 1(1): 141-148.
- Hafiz, A. & Hasimah, M. (2003). Kaedah hafazan al-Quran yang Sistematik dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz yang Rasikh. Universiti Teknologi Malaysia: Pusat Pengajian Islam dan Sosial.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- KPM, B. P. (2015). Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Retrieved from <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/>:<http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf>
- Maisarah Thulhuda binti Mat Jafri, Mohd Faizulamri bin Mohd Saad & Sabri bin Mohamad (2018). Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Murid Tahfiz. *Jurnal al-Turath*. 3 (2).
- Mohamad Shahrin Bin Baharudin, Mohd Nizam Sahad. (2020). Analisis Kaedah Hafazan al-Quran dengan Memahami Makna dalam Institut Pengajaran Tahfiz di Alor Setar Kedah. *QURANICA, International Journal of Quranic Research*. 12(1): 88-98.
- Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi. (2020). Pembinaan Modul Hafalan Al-Quran Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Quran Dalam Kalangan Huffaz. *The Online Journal of Islamic Education*. 8(1): 1-26.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak & Haziyah Hussin. (2020). Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz Al-Quran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 6(2): 15-23, e-ISSN: 2289-960X.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak & Haziyah Hussin. (2020). Kaedah Penerapan Tadabbur untuk Huffaz Al-Quran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6(2), 15-23, e-ISSN: 2289-960X,
- Mohd Hakim Bin Mothar Rijan, Mahmood Bin Sabtu, Azmi Bin Budin. (2021). Kefahaman Ayat Al-Quran Dikalangan Pelajar Tahfiz : Satu Sorotan. *Jurnal Maw'izah*. 4: 1-10 eISSN: 2636-9354.

- Mohd Khairul Naim Bin Sameri. (2020). Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah.* 7 (2). E-ISSN: 2289-8042
- Monika @ Munirah Abd Razzak, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2014). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian di Tv Al-Hijrah. *Proceedings: The 4th Annual International Qur'anic Conference 2014.* E-ISBN: 978- 967-12182-6-6 © 2014 Centre of Quranic Research.
- Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi, Muhammad Talhah Ajmain Jima'ain, Ahmad Takiyuddin Abdullah, Mohammad Haziq Mohd Isnin, Abdul Hafiz Abdullah. (2022). Application of Technology to Sustain Teaching and Learning of Quran Memorization during Movement Control Order in Malaysia. *Procceding BIC 2021*, 11-12 October 2022, Batusangkar, Indonesia. DOI 10.4108/eai.11-10-2021.2319511.
- Muhammad Toriq Bin Yaacob Abdul Razak Bin Mohd Zain. (2017). Amalan Teknik Hafazan Al-Quran Di Darul Quran. *Darul Quran: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*.
- Norhazriah Mohamed @ Ismail. (2012). Program Ulul Albab Suatu Proses Tranformasi Pendidikan Malaysia: Kajian Kes Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. *Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5)*.
- Nurul Ain Zainal Abidin, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Sabri Mohamad. 2017. Tahap pengetahuan pelajar di Madrasah al-Musthofawiyah Littahfizil Quran Bangi terhadap tadabbur al-Quran. *Jurnal al-Turath.* 2(1): 47-53.
- Nurul Zakirah Mat Sin dan Zulkifli Mohd Yusoff. (2012). Konsep Tadabbur: Suatu Kupasan. *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*.
- Rohana Zakaria, Hayati Hussin dan Adzam Rasdi. (2015). Tadabbur al-Quran: Syarat Utama yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif al-Quran. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015)*. 12-13 Oktober 2015.Kuala Lumpur.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim & Hamdi Ishak. 2016. Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah dalam Membina Kurikulum Tahfiz al-Quran. [Bab dalam buku] Kuala Kubu Bharu: Darul Quran.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir, Azman Che Mat. (2021). Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz. *Civilizational Studies and Human Sciences.* 4(1).